



JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1

Tarikh : 13 Mac 2020

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 10/2020

DEKAN/PENGARAH/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg.Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**COVID-19: ARAHAN PENANGGUHAN PERHIMPUNAN AWAM (MASS GATHERING)
DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Pihak Universiti memandang serius mengenai peningkatan kes positif wabak jangkitan COVID-19 di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Bagi menjamin keselamatan warga kampus, pihak Universiti telah mengambil langkah proaktif dalam membendung penularan jangkitan virus tersebut.

3. Seiring dengan pendirian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pihak Universiti menggesa agar semua perhimpunan yang melibatkan warga UKM di dalam atau luar kampus **DITANGGUHKAN dan berkuat kuasa SERTA MERTA sehingga diberitahu kelak**. Ini adalah termasuk perhimpunan yang melibatkan pelajar, lawatan pihak luar, seminar, bengkel berskala besar, persidangan serta lain-lain perhimpunan umum. Segala kesulitan dan perkara bersangkutan yang berbangkit adalah amat dikesali.

Sukacita pihak YBhg.Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memaklumkan kepada semua warga di bawah seliaan masing-masing mengenai arahan ini. Semua pihak adalah dinasihatkan untuk tidak menyebarkan berita dari sumber yang tidak sahih dan dimohon untuk bertenang kerana situasi dalam kampus buat masa ini adalah terkawal.

Kerjasama semua warga UKM dan sikap tanggungjawab yang dipamerkan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Yang benar,

DR. HJH. INA MD YASIN
Pendaftar



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-89214888 E-mel:pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Bendahari
 - Penasihat Undang-Undang
 - Ketua Pustakawan
 - Pengarah Pusat Pengurusan Risiko, Kelestarian dan Kesihatan Pekerjaan
 - Ketua Pusat Kesihatan Universiti
 - Merangkap Ketua Tindakan Operasi
- b.p. Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM : Kategori Penyakit Berjangkit



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-89214888 E-mel:pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my